

Akal dan semangat penting kepada Umno, kata Dr Mahathir

13 JUL 1985

KUALA KRAI, Jumaat — Penggabungan akal dan semangat ahli-ahli Umno adalah penting bagi menjamin kedudukan parti itu sebagai kuasa politik yang kuat dan kukuh, tegas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Umno berkata, parti itu akan mendapat kejayaan lebih tinggi jika setiap ahli menyusun strategi perjuangan dengan menggunakan akal dan semangat perjuangan yang teguh.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kuala Krai, di Sekolah Menengah Pahi, dekat sini pagi ini, Perdana Menteri menegaskan, semangat perjuangan penting untuk ke-

Oleh **NORDIN MOHAMAD**

jayaan.

"Orang yang menggunakan akal fikiran dan disertai dengan dorongan semangat yang kuat akan lebih berjaya dalam sesuatu usaha," ujarnya.

Beliau menjelaskan, banyak parti politik di dunia yang memperjuangkan kemerdekaan negara mereka menghadapi masalah dan hampir lenyap selepas merdeka kerana semangat perjuangannya luntur.

Kuasa akal pula akan dapat mengatasi kekuatan-kekuatan lain yang dimiliki oleh manusia seperti yang berlaku terhadap negara-negara Arab yang

akhirnya tewas kepada negara-negara maju walaupun mereka menggunakan kuasa minyaknya, ujarnya.

Beliau bimbang, jika pemimpin dan ahli-ahli Umno tidak menyedari kelemahan itu, mereka akan berpecah belah dan wujud semangat kenegerian dan kedaerahan yang akhirnya akan menimbulkan perasaan mementingkan seseorang.

"Bagaimanapun, Umno akan terus utuh sekiranya setiap ahli memperbaharui dan memupuk semangat perjuangan berasaskan kesedaran terhadap tanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir bersyukur kerana Umno masih kuat dan mewarisi tanggungjawab yang telah dipikul oleh

pemimpin-pemimpinnya yang lalu.

Beliau berkata, biasanya selepas mencapai kemerdekaan, semangat perjuangan menjadi lemah dan dengan itu wujud pelbagai parti lawan yang kuat.

Dalam hubungan itu, Perdana Menteri berharap semangat yang membawa kejayaan kepada Umno dulu tidak akan hilang dan diganti dengan kepentingan diri.

"Sewaktu negara menuntut kemerdekaan, kita serba kekurangan. Cuma atas semangat perjuangan yang gigih, kita berjaya dalam perjuangan itu.

"Hari ini banyak kemudahan dan keupayaan telah wujud dan jika kita berani menghadapi cabaran dan ditambah dengan semangat, saya yakin kita boleh mengubah gunung," tegas beliau.